

Jurujual ditikam tujuh kali di perut dan dada

Cemburu punca bunuh

Kosmo Kosmo 05/05/2010 M/S 6

Oleh AHMAD SYAHIR KASSIM
syahir.kassim@kosmo.com.my

ALOR SETAR - Seorang wanita yang tidak dapat menahan rasa cemburunya bertindak kejam apabila menikam seorang jurujual sebuah kedai alat tulis bertubi-tubi hingga mati sebelum menikam dirinya sendiri di Taman Kristal Mergong di sini malam kelmarin.

Kejadian pukul 10 malam berhampiran sebuah bendang itu mengakibatkan, Suhana Mohd. Shariff, 26, mati selepas ditikam sebanyak tujuh kali di perut dan dada dengan menggunakan pisau pemotong sayur oleh suspek yang dikenali sebagai Oren, 33.

Sebaik melihat mangsa berlumuran darah, suspek yang merupakan seorang wanita berperwatakan lelaki kemudian cuba membunuh diri dengan menikam dada dan menggelar tangan kiri sendiri tetapi dapat diselamatkan.

Suspek berada dalam keadaan kritikal di Unit Rawatan Rapi Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini.

Difahamkan, sebelum itu, kedua-dua wanita berkenaan telah berselisih faham sebelum ber-



KETUA Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Kota Setar, Deputy Superintendan Feisal Libertus Abdullah memeriksa kereta Perodua Viva milik Suhana yang mati ditikam oleh rakan wanitanya di Taman Kristal Alor Setar semalam.

laku pertengkaran besar di antara mereka di dalam sebuah kereta Perodua Viva milik mangsa.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Abdul Ghafar Rajab berkata, mangsa dan suspek bekerja di sebuah kedai menjual alat tulis di Shahab Perdana di sini.

"Ketika ditemui, kedua-dua

wanita itu berada dalam keadaan parah di luar kereta dan polis percaya pergaduhan bermula dari dalam kenderaan itu kerana ada kesan darah di bahagian tempat duduk pemandu serta penumpang hadapan.

"Pemeriksaan pada kereta menemui beberapa keping gambar mangsa dengan suspek dan polis percaya mereka mampu

nyai hubungan yang sangat rapat," katanya.

Tambahnya, Suhana meninggal dunia ketika sedang mendapatkan rawatan di HSB pada pukul 11.35 malam.

Menurut Ghafar, selain kesan darah, pihaknya juga menemui sebilah pisau pemotong sayur yang dipercayai digunakan dalam kejadian itu.